



كِرَاءَان نَغَرِي كَدَاه دَارُالْأَمَان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mel : pkpk@kedah.gov.my



Ruj.Kami

Bil (80) dlm. P.Kw.N(K) 0500/F Jld. 22

Tarikh:

Ramadhan 1447H
Februari 2026

Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Persekutuan Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Kedah Darul Aman.

SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Seri/YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

CADANGAN PELAKSANAAN CABUTAN KERJA UNDI SECARA ONLINE FASA 1 NEGERI KEDAH DARUL AMAN TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya pentadbiran ini merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah melalui Kertas No.7 (F) 44/2026 yang telah bersidang pada 11 Februari 2026 telah memutuskan perkara-perkara seperti berikut:**

- a) **Bersetuju melaksanakan Majlis Cabutan Kerja Undi Secara Online Fasa 1 Tahun 2026 pada 25 dan 26 Februari 2026, hari Rabu dan Khamis bertempat di Studio BTMK, Aras 2, Blok E, Wisma Darul Aman.**
- b) **Bersetuju Majlis Cabutan Kerja Undi Secara Online Fasa 1 Tahun 2026 melibatkan projek kerja-kerja penyelenggaraan jalan MARRIS (E401) dan lain-lain peruntukan melibatkan Vot Peruntukan P.04 (BPEN), P.09 (JKR), P.11 (Jabatan Pertanian), P.13 (JPS), P.16 (JHEAIK), P.23 (Jabatan Perhutanan), Peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain berkaitan di bawah kendalian jabatan pelaksana Pejabat Daerah dan JKR dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM43.7 juta dengan disertai Kontraktor G1 bagi projek di bawah Pejabat Daerah manakala kerja-kerja elektrik di bawah Jabatan Raya Negeri Kedah dibuka kepada kontraktor G1, G2 dan G3 dengan kebenaran Khas Pegawai Kewangan Negeri Kedah.**

c) **Bersetuju nilai bagi Kerja Undi Secara Online Fasa 1 kali ini adalah RM50,000.00 ke atas sehingga RM200,000.00.**

3. Sehubungan dengan itu, semua jabatan terlibat mestilah mengambil perhatian dan tindakan bagi perkara yang tersebut di atas dengan sebaiknya. Segala kerjasama yang baik daripada pihak SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Seri/YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah disanjung tinggi.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"
"THE GREATER KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' WIRA HAJI SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN,
DGWK., DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.)
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.

- s.k.
1. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.
 2. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan).
 3. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan)
 4. Fail P.Kw.N(K) 0982 Jld. 31 (08)

Tel: 04-7027757/7758/7759 Email: pkpk_perolehan@kedah.gov.my

YBDWPKN/KPPKN (P)/ccsury/UnitPerolehanPKN/2026

Experience
